

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Nasional – Suara Komuniti)

Tarikh : Rabu, 4 Julai 2012

Mukasurat : 30

30 NASIONAL



Pembaca boleh meminjam buku daripada mana-mana perpustakaan di negara ini jika menjadi ahli U-Perpustakaan. (GAMBAR HIASAN)

Ahli U-perpustakaan boleh pinjam buku negeri lain

Sumber: B. Harian, Rabu 4/7/2012: pg. 30 (Segmen Nasional)
 Suara Komuniti
 Agnes

? Saya suka membaca dan sering menggunakan perkhidmatan Perpustakaan Awam Daerah Maran sebagai tempat meminjam buku. Masalahnya ialah ada buku yang saya inginkan tidak ada dalam simpanan perpustakaan itu. Ini menimbulkan kesukaran terutama mendapatkan buku ilmiah berkaitan pengurusan, psikologi, kewangan dan sebagainya.

Adakah cara lain untuk mendapatkan buku berkenaan terutama daripada perpustakaan awam negeri lain?

Khairuddin Kecil
Kampung Kuala Wau, Maran

! Kita mengakui ada kekurangan buku terutama di perpustakaan awam daerah atau desa terutama buku ilmiah. Ini kerana, perpustakaan

“
Selepas menjadi ahli U-Perpustakaan, pembaca boleh mendapatkan buku berkenaan daripada mana-mana perpustakaan di negara ini. Pihak perpustakaan menyediakan komputer bagi pembaca mengenal pasti buku dikehendaki dan buku akan dihantar melalui pos kepada pembaca”

awam daerah atau desa tidak mampu menyediakan semua judul buku mengikut keperluan pembaca.

Namun, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang mempunyai kaedah membolehkan pembaca mendapatkan buku daripada perpustakaan negeri lain atau Perpustakaan Negara dengan mendaftar sebagai U-Perpustakaan.

Selepas menjadi ahli U-Perpustakaan, pembaca boleh mendapatkan buku berkenaan daripada mana-mana perpustakaan yang ada di negara ini. Pihak perpustakaan menyediakan kemudahan komputer bagi pembaca mengenal pasti buku dikehendaki dan buku berkenaan akan dihantar melalui pos kepada pembaca.

Kemudahan disediakan Perpustakaan Negara ini memudahkan pembaca mendapatkan buku dikehendakinya.

Datuk Shahaniza Samsuddin
Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang